

JUNIOR PROTEMP SUPPOSITORIES 325MG

Paracetamol (325 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Junior Protemp Suppositories 325mg
2. Bagaimana Junior Protemp Suppositories 325mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg
4. Cara menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg
5. Semasa menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Junior Protemp Suppositories 325mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Junior Protemp Suppositories 325mg

Digunakan untuk melegakan demam sementara, sakit-sakit ringan, kesakitan dan sakit kepala.

Bagaimana Junior Protemp Suppositories 325mg berfungsi

Paracetamol boleh bertindak dengan menghalang sintesis prostaglandin pada sistem saraf berpusat (CNS) dan melalui tindakan peripheral dengan menghalang penghasilan impul sakit. Ia juga memberi kesan anti-piretik dengan bertindak secara berpusat pada hipotalamik pusat kawalan haba untuk menghasilkan peripheral penyejukan menyebabkan peningkatan aliran darah melalui kulit dan peluh dan kehilangan haba.

Sebelum menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan Junior Protemp Suppositories 325mg kepada mereka yang diketahui hipersensitiviti kepada Paracetamol dan penyakit hati yang teruk.

Mengandung dan menyusukan
Paracetamol melalui placenta dan dibawa ke dalam susu badan. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg.

Sebelum mula menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg

Beritahu doktor jika anda adalah pesakit buah pinggang atau dengan penyakit hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- • Pesakit yang telah mengambil barbiturat, antidepresan tricyclic dan alkohol boleh berisiko hepatotoksiti dengan penggunaan berpanjangan dos Paracetamol yang tinggi kerana peningkatan metabolisme akibat induksi aktiviti enzim mikrosomal hepatic.
- Alkohol dan ubat hepatotoksik boleh meningkatkan hepatotoksiti Paracetamol berlebihan.
- Penggunaan antikoagulan serentak, coumarin atau indandione-derivatif kronik, Paracetamol dengan dos tinggi boleh meningkatkan kesan antikoagulan.
- Penggunaan Paracetamol yang berlanjutan bersama NSAIDS dan salisilat boleh meningkatkan kesan buruk buah pinggang.

Cara menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 suppositori setiap 4-6 jam. (Tidak melebihi 12 suppositori dalam tempoh 24 jam).
Kanak-kanak: 6-12 tahun: 1 suppositori setiap 4-6 jam. (Tidak lebih dari 5 suppositori dalam mana-mana tempoh 24 jam).

1. Cuci tangan dan keluarkan suppositori daripada pembalut secara lembut dengan memegang setiap bahagian dan secara perlahan mengoyak bahagian suppositori secara gerakan menurun.
2. Baring pada sebelah kiri badan dengan membengkokkan lutut kanan (jika kidal, baring pada bahagian badan sebelah kanan dengan membengkokkan lutut kiri). Tolakkan suppositori kedalam rektum dengan jari anda. Suppositori perlu kekal di dalam rektum selama 15 hingga 30 minit.
3. Jika suppositori terlalu lembut, alirkan air sejuk ke arahnya sebelum membuka balutan foil selama 1-2 minit.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Junior Protemp Suppositories 325mg untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang harus anda lakukan jika anda terlupa untuk menggunakannya.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Symptom-symptom terlebih dos mungkin termasuk kerosakan hati yang kronik, azotemia transient, kerosakan pada saluran buah pinggang dengan keracunan akut, anemia dan gangguan gastrousus dengan keracunan kronik. Rawatan: Acetylcysteine 140 mg / kg secara oral (memuat) diikuti oleh 70 mg / kg setiap 4 jam untuk 17 dos atau IV N-acetyl cysteine 150 mg / kg yang diresapkan selama 60 minit diikuti dengan dos penyelenggaraan IV 50 mg / kg diresapkan lebih dari 4 jam, dan kemudian 100 mg / kg diresapkan selama 16 jam. Penjagaan sokongan termasuk mengekalkan keseimbangan cecair dan elektrolit.

Semasa menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Junior Protemp Suppositories 325mg.

JUNIOR PROTEMP SUPPOSITORIES 325MG

Paracetamol (325 mg)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Junior Protemp Suppositories 325mg kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika menggunakan lebih daripada dos yang selalu disyorkan, atau pada label atau risalah, keracunan hati mungkin berlaku.

Pesakit dengan penyakit buah pinggang atau hati perlu berunding dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Penyediaan ini mengandungi PARACETAMOL.

Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Simptom-simptom mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan selalunya ringan, walaupun reaksi hematologi telah dilaporkan.

Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome / Toksik Epidermal Necrolysis telah dilaporkan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Junior Protemp Suppositories 325mg**

- Penyimpanan

- Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah 30°C
- Untuk kegunaan rectal sahaja

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih, supositori berbentuk peluru

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan-bahan tidak aktif
Hard Fat

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang:

Lerd Singh Pharmaceutical Fact., Ltd.,
Part.
922 Soi Sukhumvit 50, Sukhumvit
Road, Phrakhanong, Khlongtoei,
Bangkok 10260, Thailand

Pengedar & Pemegang Pendaftaran

Produk:

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru
5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/12/2019

Nombor siri:

NPRA(R2)19/206